

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PEWARTAAN PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA (PENDEDAHAN MAKLUMAT BENGKEL) (PINDAAN) 2022

PUTRAJAYA, 16 JULAI 2023 – Jemaah Menteri pada **24 Julai 2019** telah mengambil maklum bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) **tidak meneruskan Penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Penyelenggaraan dan Membaik Pulih Kenderaan Bermotor kerana wujudnya kekangan dalam melaksanakan RUU tersebut.** Oleh yang demikian, pihak Kementerian membuat keputusan membuat **penambahbaikan kepada Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002, Akta Perlindungan Pengguna 1999.**

2. Bagi merealisasikan cadangan pindaan tersebut, beberapa siri libat urus di seluruh Negara telah dilaksanakan bermula Julai hingga Oktober 2019 bagi memberi penerangan dan mendapatkan maklum balas daripada semua pihak terhadap cadangan pindaan Peraturan ini. Hasilnya, cadangan pindaan Peraturan ini mendapat maklum balas yang baik daripada pemain industri dan pihak persatuan secara keseluruhannya.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian telah mengadakan beberapa sesi libat urus bagi memuktamadkan pindaan Peraturan ini yang telah pun berjaya diwartakan pada **22 Jun 2022** atas nama **Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) (Pindaan) 2022** yang telah

berkuatkuasa pada **1 Julai 2022**. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan bagi **Peraturan ini telah ditangguhkan selama satu (1) tahun bagi membolehkan pihak industri membuat persiapan sebelum penguatkuasaan ke atas peraturan ini dibuat sepenuhnya dan penguatkuasaan bermula pada 1 Julai 2023.**

4. **Pindaan Peraturan ini adalah bagi menambahkan beberapa kriteria dan syarat** dalam mendedahkan maklumat kepada pengguna sebelum sebarang perkhidmatan dijalankan seperti mana ketetapan berikut:

- (i) Mempamerkan **senarai nama mekanik** dan juga **kelayakan sijil kemahiran (jika ada)** di kawasan yang mudah dilihat oleh pengguna. Ini bagi memberikan maklumat kepada pengguna untuk memilih bengkel yang mempunyai mekanik berkelayakan. Pada masa yang sama, ianya bagi menggalakkan pengusaha bengkel mempersijilkan mekanik yang sedang bertugas atau menggajikan mekanik yang mempunyai sijil kemahiran;
- (ii) Menyatakan dengan jelas mengenai kategori alat ganti yang digunakan sama ada **baharu, terpakai atau yang telah dibaik pulih** untuk diguna semula. Ini bagi memastikan pengguna mengetahui jenis kategori alat ganti yang digunakan untuk pembaikan atau pengubahsuaian kenderaan mereka;
- (iii) memaklumkan kepada pengguna secara bertulis mengenai **sama ada terdapat apa-apa gerenti** yang disediakan bagi barang ganti itu; dan
- (iv) menyatakan sama ada perkhidmatan pembaikan itu **mempunyai gerenti yang diberikan oleh bengkel.**

5. Sehubungan dengan itu, **KPDN** ingin memaklumkan tempoh penangguhan bagi penguatkuasaan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) (Pindaan) 2022** telah tamat pada **30 Jun 2023** dan Peraturan ini telah berkuatkuasa sepenuhnya oleh Bahagian Penguatkuasa KPDN di seluruh negara pada **1 Julai 2023**.

6. Sekiranya berlaku pelanggaran atas ketidakpatuhan kepada Peraturan ini boleh dikenakan tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah **Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599)** ini.

YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB,
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
PUTRAJAYA, 16 JULAI 2023.

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapi dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

